

Pak Lah: Dr. M seorang patriot

9 NOV 1999

Oleh JOHARDY IBRAHIM

PETALING JAYA 8 Nov. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang patriot yang sentiasa mengutamakan kepentingan negara dalam membuat sebarang keputusan.

Semasa kegawatan ekonomi dulu, kata Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir sentiasa berulangi dalam ucapannya bahawa Malaysia adalah tanggungjawab semua rakyat.

Menurutnya, beliau mengingatkan bahawa Malaysia tidak boleh menyerahkan ekonomi negara untuk diuruskan oleh orang lain iaitu IMF (Dana Kewangan Antarabangsa).

“Dengan keberanian, ketegasan dan semangat patriotisme serta sokongan kawan-kawan dalam kerajaan, langkah pemuliharaan yang diusahakan oleh Dr. Mahathir mencapai kejayaan.

“Beliau juga mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi mutunya kerana bukan perkara sena-

ng hendak menyatupadukan masyarakat berbilang kaum, adat resam dan agama di negara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap melancarkan album khas *Balada Seorang Pejuang* untuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini, malam ini.

Album

Album yang diterbitkan oleh Persatuan Penyiar Kebangsaan Malaysia (Penyiar) dengan kerjasama Kementerian Penerangan.

Album tersebut mengandungi 10 lagu-lagu patriotik dengan konsep irama balada dan dinyanyikan oleh 9 penyanyi terkenal seperti Nora, Yusni Hamid, Koprata, Roy dan sebagainya.

Mengenai penerbitan album itu, Abdullah berkata, inisiatif Penyiar adalah kena pada masanya kerana dalam suasana politik menghampiri pilihan raya umum, pelbagai cerita mengenai pemimpin negara didengar.

“Kita sentiasa dengar keluhan rakyat Malaysia yang cintakan negara ba-

hawa mereka sering membaca berita atau Internet, mendengar ceramah mengenai pimpinan negara kita.

“Pada saya, apa yang ditulis itu adalah sesuatu yang tidak patut ditulis kerana kandungannya adalah perkara-perkara yang tidak baik dan ada unsur-unsur fitnah, khususnya terhadap Perdana Menteri,” katanya.

Abdullah juga menganggap langkah penerbitan album itu sebagai baik kerana Perdana Menteri adalah antara pemimpin yang sangat berjasa untuk memartabatkan dan memajukan negara sejak mencapai kemerdekaan.

“Dr. Mahathir telah dituduh sebagai gila kuasa. Tetapi ingin saya tegaskan bahawa pemimpin yang gila kuasa tidak akan *survive* di negara ini kerana rakyat tidak akan menerimanya,” katanya.

Beliau memberi contoh, ketika krisis perlembagaan membabitkan imuniti raja-raja Melayu dulu, Dr. Mahathir telah membuktikan beliau bukan mahu kuasa, sebaliknya memadai dengan kuasa Perdana Menteri yang sedia ada.

Katanya, Dr. Mahathir telah menolak draf awal pindaan perlembagaan yang nyata memberi kuasa lebih besar kepada seorang Perdana Menteri dan meminta supaya ia diubah kerana berpendirian bahawa ia tidak sesuai, waima kepada sesiapa pun yang menjadi Perdana Menteri.

Selain itu, ujarnya, Dr. Mahathir juga mengamalkan ‘kebertanggungjawaban bersama’ dalam mesyuarat kabinet iaitu persetujuan sebulat suara dalam memutuskan sesuatu isu.

Bantu

Sementara itu, Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaacob selaku penaung penerbitan album itu berkata, pihaknya bersedia untuk membantu mana-mana pihak yang mahu mengeluarkan filem, video atau lagu berkaitan aspek patriotisme.

Menurutnya, kementerian mempunyai kemudahan rujukan seperti Filem Negara Malaysia (Finas), arkib-arkib sejak sebelum merdeka dan sebagainya yang dibuka kepada semua bagi tujuan penyelidikan.